



27 AUG, 2024

Hantar pulang kontena ke negara asal

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Hantar pulang kontena ke negara asal

JKDM jalin kerjasama dengan agensi terlibat halang seludup, import *e-waste*

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM



Laporan Sinar Harian pada 14 Ogos lalu.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan bekerjasama dengan mana-mana agensi penguat kuasa berhubung kes pengoperasian kilang proses sampah elektronik (*e-waste*) di Segamat, Johor.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima laporan daripada mana-mana agensi penguat kuasa berkaitan kilang *e-waste* di daerah berkenaan.

Namun katanya, JKDM telah bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menghalang pengimportan kontena mengandungi *e-waste* ke dalam negara.

"Kes di Segamat telah disiasat oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) berdasarkan kesalahan

yang telah dilakukan oleh pihak terbabit.

"Bagaimanapun, JKDM akan bekerjasama dengan PDRM atau mana-mana agensi untuk membantu siasatan selain tindakan di pintu masuk dengan menahan, memeriksa dan memastikan semua kontena *e-waste* dihantar pulang secara eksport melalui pelabuhan yang sama ke negara asal," katanya kepada *Sinar Harian*.

Anis berkata, pada Jun lalu, JKDM telah menahan 301 buah kontena yang disyaki mengandungi *e-waste*.

Sehubungan itu beliau berkata, satu tindakan penahanan dan pemeriksaan bersepadu telah dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan.



ANIS ZANA

"Hasil pemeriksaan mengesyaki bahawa 106 daripada kontena tersebut mengandungi *e-waste* dan selebihnya mengandungi sekerap logam. Kerjasama ini masih berlangsung dan hingga Ogos ini kita telah tahan 362 kontena dan 155 kontena telah disiasat oleh

JAS," ujarnya.

Jelasnya, kes babit kontena dagangan *e-waste* itu disiasat oleh JAS mengikut Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"JKDM sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi termasuk dari luar negara untuk menghalang sebarang jenis penyeludupan termasuk pengimportan *e-waste*," katanya.

6 Ogos lalu, *Sinar Harian* menerusi laporan eksklusif melaporkan aktiviti kilang haram di Segamat, Johor yang dipercayai beroperasi melera, memproses dan melebur sisa *e-waste* diseludup.

Susulan pendedahan itu, *Sinar Harian* pada 14 Ogos melaporkan penguatkuasaan JAS yang mengambil tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) ke atas lima kilang *e-waste* bagi menghentikan pencemaran.

Selain itu, Majlis Perbandaran Segamat turut mengambil tindakan notis dan kompaun ke atas kilang *e-waste* di lokasi berkenaan.

Ia turut disusuli tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Imigresen Johor dengan tangkapan seramai 55 pendatang asing tanpa izin (PATI) yang bekerja di beberapa kilang *e-waste* terbabit.



27 AUG, 2024

Hantar pulang kontena ke negara asal

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

“Hasil pemeriksaan mengesyaki bahawa 106 daripada kontena tersebut mengandungi e-waste dan selebihnya mengandungi sekerap logam. Kerjasama ini masih berlangsung dan hingga Ogos ini kita telah tahan 362 kontena dan 155 kontena telah disiasat oleh JAS,” ujarnya. Jelasnya, kes babit kontena dagangan e-waste itu disiasat oleh JAS mengikut Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. “JKDM sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi termasuk dari luar negara untuk menghalang sebarang jenis penyeludupan termasuk pengimportan e-waste,” katanya.